

01/08/1999

Deklarasi hanya helah menutup kelemahan

AMAT malang apabila teguran Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad mengenai pencapaian akademik pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi (IPT) yang ketinggalan berbanding kaum lain, diputar belitkan seterusnya dikecam oleh golongan profesional tertentu, khususnya pensyarah di IPT. Laporan menyatakan kira-kira 150 profesor, profesor madya dan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengadakan perhimpunan khas dan membuat deklarasasi mengecam Perdana Menteri kerana dikatakan membuat tohmahan mengenai pencapaian akademik pelajar Melayu, amat dikesali. Apatah lagi perjumpaan itu diadakan di luar pengetahuan pihak berkuasa universiti sedangkan mereka menggunakan premis dan kemudahan universiti berkenaan.

Apakah kecaman itu mencerminkan sikap ahli akademik kita yang membuat sesuatu kesimpulan dan rumusan bukan berasaskan kajian dan fakta, sebaliknya lebih didorong emosi dan sentimen? Apakah deklarasasi itu sebagai helah menutup pekung di dada kerana gagal melahirkan anak didik cemerlang seperti diharapkan masyarakat? Seperti kita maklum, kejayaan pelajar meraih kecemerlangan walaupun pada peringkat IPT sebahagiannya ditentukan oleh faktor kepakaran, keilmuan dan dedikasi pensyarah mereka. Tetapi oleh kerana perkara ini membabitkan diri pensyarah sendiri, ia tidak disentuh. Malah perkara pokok yang harus difahami ialah Perdana Menteri ketika membuat kenyataan itu baru-baru ini bukan mengecam pelajar Melayu dengan tanggapan negatif seperti malas, bodoh dan tidak teguh pendirian. Sebaliknya sekadar melahirkan rasa dukacitanya terhadap kelemahan prestasi akademik mereka berbanding pelajar bukan Melayu.

Jika pun ada deklarasasi itu dipersetujui 150 pensyarah seperti dilaporkan itu, ia adalah sebilangan kecil daripada kira-kira 1,600 kakitangan di UKM. Kita yakin sejumlah besar pensyarah UKM yang tahu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka, tidak membabitkan diri membuat tohmahan melulu itu.

Jaminan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuar Ali semalam untuk menyiasat perkara itu dan mengambil tindakan, adalah amat dialu-alukan. Kita berpendapat jika tindakan tegas tidak diambil terhadap mereka yang terbabit, kegiatan seumpama itu akan terus berkembang dan kesannya memberi imej buruk terhadap UKM sendiri. Walaupun bilangan pensyarah terbabit tidak ramai, ia masih boleh memberi implikasi meluas terhadap pelajar. Tujuan deklarasasi itu yang didalangi oleh pembangkang jelas mahu meracuni fikiran pelajar menentang pemimpin dan kerajaan. Bagi mereka sebarang teguran daripada pemimpin, terutama membabitkan pelajar akan dianggap sebagai kecaman dan penghinaan.

Hakikat pencapaian akademik pelajar Bumiputera, khususnya Melayu yang masih ketinggalan berbanding pelajar lain, bukan rahsia. Misalnya, bilangan mereka yang merangkul kelas pertama setiap kali konvokesyen diadakan di semua universiti adalah jauh lebih kecil dibandingkan bukan Melayu. Dalam konvokesyen UKM tahun ini hanya 10 graduan Melayu memperoleh kelas pertama berbanding 45 graduan kaum lain. Keadaan yang sama juga berlaku di kalangan mereka yang mendapat kepujian kelas kedua di samping nisbah yang tidak seimbang untuk pengajian tertentu dan bilangan pelajar yang terpaksa mengulang pengajian kerana gagal memperoleh kelulusan minimum bagi sesuatu tahun pengajian. Mengapakah keadaan ini masih wujud? Walaupun ramai yang mengetahui kedudukan ini, tidak ada pihak mengambil daya usaha mengatasinya. Sedangkan dari segi pendidikan, seperkara yang dicanangkan ialah meletakkan universiti kita pada tahap antarabangsa dan

bertaraf dunia. Malaysia dikatakan akan dijadikan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, sedangkan pencapaian pelajar sendiri, khususnya Bumiputera masih berada pada tahap mendukacitakan. Malangnya tidak ada pihak yang mengambil daya usaha membincang dan mencari jalan untuk keluar daripada kemelut ini. Jika ada pun sekadar perbincangan secara sesama sendiri dengan kecenderungan menuding jari kepada satu pihak. Di kalangan kakitangan akademik IPT, kebanyakannya meletakkan kesalahan kepada pelajar dengan pelbagai tuduhan tabiat negatif yang diamalkan pelajar.

Jelas pandangan itu adalah tohmahan dan kecaman tanpa berasaskan kajian. Sepatutnya teguran Perdana Menteri itu diterima secara terbuka oleh kakitangan akademik dengan bersedia membuat kajian berasaskan kepakaran masing-masing bagi mengenal pasti punca kelemahan pelajar Melayu berbanding pelajar lain di IPT tempatan atau luar negara. Kajian itu pula hendaklah dilengkapi dengan saranan bagaimana mengatasinya supaya dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Sekiranya sebuah universiti membuat satu kajian, kita yakin ia adalah lebih daripada mencukupi dalam membantu mengatur strategi mengatasi kelemahan akademik pelajar Melayu.

(END)